

## Soalan 1 – 3

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- Banyak orang berkelah di \_\_\_\_\_ pantai itu pada hujung minggu kerana pantainya bersih dan udaranya nyaman.
  - tepi
  - antara
  - tengah
  - hujung
- Ratu Terjun Negara, Cheong Jun Hoong dinobatkan sebagai \_\_\_\_\_ Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) 2017.
  - olahragawan
  - olahragawati
  - mahasiswa
  - karyawan
- Pemain yang \_\_\_\_\_ taraf cemerlang dalam bidang sukan tertentu dapat menjadikan sukan sebagai kerjaya dan meraih pendapatan lumayan.
  - capaian
  - tercapai
  - mencapai
  - pencapaian

## Soalan 4 – 5

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- Rakyat akan sihat bila aktiviti sukan dijadikan amalan.
  - bila jadikan aktiviti sukan sebagai amalan
  - apabila aktiviti sukan dijadikan amalan
  - apabila menjadi amalan aktiviti sukan
  - bila aktiviti sukan dijadikan amalan

- Aktiviti senamrobik dapat mempertingkatkan lagi kecekapan sistem peredaran darah.
  - dapat mempertingkatkan kecekapan lagi
  - dapat meningkatkan kecekapan
  - dapat meningkat kecekapan
  - dapat mempertingkatkan lagi kecekapan

## Soalan 6 – 8

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- Sukan merupakan saluran yang paling berkesan sekali untuk menyatukan rakyat pelbagai kaum di Malaysia. Tiada kesalahan.
  - 
  - 
  - 
  -
- Hari Sukan Negara diadakan untuk menggalakkan rakyat supaya agar sentiasa bersukan. Tiada kesalahan.
  - 
  - 
  - 
  -
- Pelbagai manfaat dapat kita peroleh dari aktiviti riadah yang dilakukan bersama-sama ahli keluarga. Tiada kesalahan.
  - 
  - 
  - 
  -

### Ulasan Jawapan PT3 2019

Sistem Bahasa Bahagian A – Soalan 12 Jawapan yang tepat ialah D: II, III dan IV sahaja. Dalam ayat I, kata kerja transitif aktif *membezakan* mesti diikuti oleh objek.